

SULIT



## JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

---

PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011  
EKONOMI ASAS  
Kertas 2  
September  
2 jam

3757/2

Dua jam

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam Bahagian A dan 40 minit untuk menjawab dalam Bahagian B*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan*
6. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*
7. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan , batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan*

---

*Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak*

Bahagian A

[75 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

- 1 (a) Perbuahan berikut berkaitan dengan masalah ekonomi yang dihadapi oleh sebuah keluarga.



Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh keluarga ini.

[ 6 markah ]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi negara Z.

- mekanisme harga diaplikasi
- kerajaan akan mengagihkan kekayaan melalui cukai dan subsidi

Tentukan sistem ekonomi negara Z dan huraikan tiga ciri lain sistem ekonomi tersebut.

[ 6 markah ]

- (c) Bezakan Sistem Ekonomi Kapitalis dan Sistem Ekonomi Perancangan Pusat dalam menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut:

(i) Apakah yang hendak dikeluarkan

[ 2 markah ]

(ii) Bagaimanakan hendak dikeluarkan

[ 2 markah ]

(iii) Untuk siapa dikeluarkan

[ 2 markah ]

- (d) Terangkan tiga jenis pendapatan individu

[ 6 markah ]

**SULIT**

**3**

**3757/2**

- 2 (a) (i) Jelaskan maksud belanjawan peribadi. [ 2 markah ]  
 (ii) Huraikan tiga kepentingan belanjawan peribadi kepada individu. [ 6 markah ]

- (b) Jadual di bawah berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Encik Ahmad Albab yang berkerja sebagai penolong pengurus kilang yang mempunyai 2 buah rumah sewa pada bulan April 2011.

Butiran	RM
Gaji	5 000.00
KWSP	500.00
Cukai Pendapatan	100.00
PERKESO	100.00
Insurans Nyawa	200.00
Sewa rumah	1 000.00

Hitungkan pendapatan boleh guna Encik Ahmad Albab pada bulan tersebut [ 4 markah ]

- (c) (i) Nyatakan dua peranan isi rumah dalam ekonomi [ 2 markah ]

Harga (RM)	Permintaan individu A	Permintaan individu B
1	10	20
2	4	12
3	2	4

- (ii) Dengan menggunakan kertas graf, lukis keluk permintaan bagi setiap individu tersebut pada setiap tingkat harga.


[Gunakan skala 2 cm = RM 1 pada paksi harga dan 2 cm = 4 unit pada paksi kuantiti]

[ 6 markah ]

- (iii) Hitungkan nilai keanjalan harga permintaan bagi individu A apabila harga naik daripada RM 2 kepada RM 3 [ 2 markah ]


- (iv) Tafsirkan nilai pekali keanjalan harga permintaan A individu tersebut [ 3 markah ]

- 3 (a) Terangkan tiga faktor yang mempengaruhi permintaan terhadap sesuatu barang [ 6 markah ]
- (b) Bezakan dua ciri input tetap dan input berubah [ 4 markah ]
- (c) Rajah di bawah menunjukkan keluk keseimbangan pasaran buruh



- (i) Apakah yang berlaku sekiranya kadar upah meningkat dari RM75 kepada RM100 ? [ 3 markah ]
- (ii) Bagaimanakah titik E tercapai ? [ 6 markah ]

(d) Rajah di bawah menunjukkan aliran pusingan pendapatan ekonomi dua sektor.




Jelaskan Aliran I, Aliran II, Aliran III dan Aliran IV.

[ 6 markah ]  
SULIT

4 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan wang. [ 2 markah ]

(ii) Gambar di bawah menunjukkan urusan jual beli barangan



Terangkan fungsi-fungsi wang selain daripada di atas [ 6 markah ]

(b) (i) Apakah kadar rizab berkanun [ 2 markah ]

(ii) Maklumat berikut berkaitan dengan satu keadaan ketidakstabilan ekonomi.

" ..kenaikan harga barangan yang berterusan benar-benar meresahkan rakyat. Bank Negara terpaksa bertindak dengan menaikkan kadar rizab berkanun daripada 2% kepada 3% berkuatkuasa mulai 16 Mei 2011..."

Gabenor Bank Negara Malaysia

Terangkan tindakan lain yang boleh diambil oleh Bank Negara untuk membendung masalah tersebut. [ 6 markah ]

- (c) Jadual di bawah menunjukkan sebahagian Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2007.

Butiran	Jumlah ( RM juta)
Pertanian	38 595
Harta tanah dan perkhidmatan Pemiagaan	26 616
Pembuatan	152 262
Perlombongan daan kauri	42 663
Pembinaan	15 279

Sumber: *ubah suai daripada laporan ekonomi 2007/2008*

- (i) Kelaskan butiran-butiran di atas mengikut sektor-sektor ekonomi. [ 6 markah ]  
(ii) Kirakan jumlah sumbangan setiap sektor di atas [ 3 markah ]

- 5 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan.

Jenis Perbelanjaan	Peratus Perbelanjaan
Perkhidmatan ekonomi	13.4
Perkhidmatan sosial	10.7
Keselamatan	2.0
Pentadbiran awam	1.0

Sumber: *Laporan Ekonomi Malaysia 2010*

- Namakan dan jelaskan jenis perbelanjaan kerajaan tersebut. [ 5 markah ]

(b) Jadual di bawah menunjukkan jumlah eksport dan import nampak Malaysia tahun 2010

Eksport dan import	Jumlah ( RM juta )
Eksport barang pembuatan	302 677
Eksport minyak kelapa sawit	13 566
Eksport petroleum mentah	87 962
Eksport gas asli cecair	10 184
Import barang perantaraan	213 450
Import barang modal	4 897
Import barang penggunaan	1 850

Sumber: *Ubahsui daripada laporan Ekonomi Malaysia 2009/2010*

Berdasarkan jadual di atas hitung

- (i) Nilai eksport barang nampak [ 3 markah ]
- (ii) Nilai import barang nampak [ 3 markah ]
- (iii) Nilai imbalan dagangan [ 3 markah ]
- (c) Terangkan tiga kebaikan sekatan perdagangan antarabangsa terhadap ekonomi Malaysia. [ 6 markah ]
- (d) Terangkan tiga fungsi utama pertukaran asing bagi sesebuah negara [ 5 markah ]

## Bahagian B

[25 markah]

*Soalan ini wajib dijawab*

Sejak kerajaan melancarkan transformasi ekonomi, Encik Suffri turut berminat menyahut seruan kerajaan dengan membuka sebuah kilang permaidani. Wang sebanyak RM300 000 yang diterima sebagai pampasan kemalangan jalanraya telah digunakan sebagai modal permulaan membuka kilang di negerinya. Lebih membanggakan lagi ia telah membuka era baru bagi orang kurang upaya (OKU) sepertinya.

Setelah lima tahun beroperasi beliau bercadang untuk menambah perbelanjaan terhadap barang modal dan menambah stok modal bagi memajukan syarikatnya. Namun demikian isterinya Puan Fatin lebih berminat wang yang ada ditabungkan dalam simpanan tetap. Encik Suffri seterusnya memberi tumpuan kepada pelaburan sumber manusia.

Usaha yang gigih secara berterusan mendorong Encik Suffri untuk memasarkan produk ke Jepun dan China. Walau pun beliau tidak ada pengalaman dalam perdagangan antara bangsa namun beliau tetap memandang hadapan bagi memasarkan produknya ke pasaran antara bangsa. Pada hakikatnya perdagangan dalam negeri dan antarabangsa ada persamaan tetapi terdapat juga perbezaan ketara yang perlu beliau ketahui.

Usaha beliau untuk memasarkan produk ke luar negara, tidak semudah seperti yang dijangkakan. Hampir semua negara di dunia mengenakan sekatan ekonomi seperti tarif dan kuota, namun persaingan dalam perdagangan antarabangsa tetap wujud. Produk Encik Suffri juga tidak terkecuali. Beliau terpaksa bersaing dalam pasaran global.

Keadaan ekonomi semasa turut mempengaruhi pemasaran produk keluaran Encik Suffri. Ringgit Malaysia yang terus kukuh iaitu meningkat 3.0% berbanding dolar Amerika turut mempengaruhi pasaran produk keluaran Encik Suffri dan seterusnya memberi kesan kepadaimbangan dagangan Malaysia.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut.

- 6 (a) Jelaskan jenis pendapatan yang diterima oleh Encik Suffri akibat kemalangan jalanraya.  
[ 4 markah ]
- (b) Adakah anda bersetuju dengan tindakan Encik Suffri dan bandingkan pulangan yang diterima terhadap barang modal dan penambahan stok modal berbanding dengan cadangan Puan Fatin.  
[ 7 markah ]

**SULIT**

**9**

**3757/2**

- (c) Huraikan cara pelaburan sumber manusia. [ 4 markah ]
- (d) Bagaimanakah Syarikat Encik Suffri menyumbang kepada sumber pendapatan negara? [ 3 markah ]
- (e) Bagaimanakah perubahan nilai RM yang meningkat berbanding dolar Amerika memberi kesan imbalan dagangan negara. [ 4 markah ]
- (f) Mengapakah kerajaan mengenakan tarif ke atas permaidani luar negara? [ 3 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**